Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.

FAKTOR PENENTU PENYIMPANAN REKOD YANG BAIK DI KALANGAN PENIAGA KECIL: PENGALAMAN PEGAWAI AUDIT

NOOR DINA BINTI IBRAHIM

Universiti Utara Malaysia

SARJANA SAINS (PERAKAUNAN ANTARABANGSA)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
APRIL 2022

FAKTOR PENENTU PENYIMPANAN REKOD YANG BAIK DI KALANGAN PENIAGA KECIL: PENGALAMAN PEGAWAI AUDIT

NOOR DINA BINTI IBRAHIM

Universiti Utara Malaysia

Kertas Penyelidikan Dikemukakan Kepada
Kolej Perniagaan
Universiti Utara Malaysia,
Bagi Memenuhi Sebahagian Syarat Untuk Sarjana Sains
(Perakaunan Antarabangsa)

Kolej Perniagaan
(College of Business)
Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA DISERTASI/KERTAS PENYELIDIKAN/KERTAS PROJEK
(Certification of thesis / dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

NOOR DINA BINTI IBRAHIM (821421)

calon untuk Ijazah **MASTER OF SCIENCE (INTERNATIONAL ACCOUNTING)**
(candidate for the degree of)

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:
(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

FAKTOR PENENTU PENYIMPANAN REKOD YANG BAIK DI KALANGAN PENIAGA KECIL: PENGALAMAN PEGAWAI AUDIT

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.
(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada:

.

(That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on:

.

Pengerusi Viva : Tandatangan
(Chairman for Viva) *(Signature)*

Pemeriksa Dalam : ASSOC. PROF. DR. SALIZA ABDUL AZIZ Tandatangan
(Internal Examiner) *(Signature)*

Tarikh:
(Date)

Nama Pelajar (Name of Student)	:	**NOOR DINA BINTI IBRAHIM (821421)**
Tajuk Tesis / Disertasi *(Title of the Thesis / Dissertation)*	:	**FAKTOR PENENTU PENYIMPANAN REKOD YANG BAIK DI KALANGAN PENIAGA KECIL: PENGALAMAN PEGAWAI AUDIT**
Program Pengajian *(Programme of Study)*	:	**M20D – MASTER OF SCIENCE (INTERNATIONAL ACCOUNTING)**
Nama Penyelia/Penyelia-penyelia *(Name of Supervisor/Supervisors)*	:	**DR. IDAWATI BINTI IBRAHIM**

Tandatangan

UUM
Universiti Utara Malaysia

KEBENARAN MENGGUNA (*PERMISSION TO USE*)

Dalam membentangkan kertas penyelidikan ini sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk Ijazah Sarjana dari Universiti Utara Malaysia (UUM), saya bersetuju bahawa Perpustakaan universiti ini boleh secara bebas membenarkan sesiapa sahaja untuk memeriksa. Saya juga bersetuju bahawa penyelia saya atau jika ketiadaan beliau, Pengarah Unit Pengajian Siswazah, Kolej Perniagaan diberi kebenaran untuk membuat salinan kertas penyelidikan ini dalam sebarang bentuk, samada secara keseluruhan atau sebahagiannya, bagi tujuan kesarjanaan. Adalah dimaklumkan bahawa sebarang penyalinan atau penerbitan atau kegunaan kertas penyelidikan ini untuk tujuan manfaat kewangan tidak dibenarkan kecuali setelah mendapat kebenaran secara bertulis daripada saya. Juga dimaklumkan bahawa pengiktirafan harus diberikan kepada saya dan UUM dalam sebarang kegunaan sarjana terhadap sebarang petikan daripada kertas penyelidikan saya.

Sebarang permohonan untuk salinan atau menggunakan mana-mana bahan dalam kertas penyelidikan ini, samada sepenuhnya atau sebahagiannya, hendaklah dialamatkan kepada:

Pengarah Unit Pengajian Siswazah, Kolej Perniagaan

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

Kedah Darul Aman

ABSTRAK

Penyimpanan rekod perniagaan adalah sangat penting. Bukan sahaja untuk perniagaan itu sendiri malahan untuk tujuan percukaian. Pematuhan cukai adalah termasuk penyimpanan rekod perniagaan dengan lengkap supaya cukai dapat ditentukan dengan betul dan teratur. Oleh itu, kajian ini cuba mendalami faktor-faktor penentu yang mempengaruhi amalan penyimpanan rekod perniagaan peniaga kecil milikan tunggal dan perkongsian daripada pengalaman pegawai audit Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) berasaskan Teori Gelagat Terancang. Secara spesifik, objektif kajian ini adalah untuk melihat pengaruh sikap, norma subjektif, tanggapan kawalan tingkah laku dan pengetahuan pembayar cukai itu sendiri terhadap amalan penyimpanan rekod perniagaan daripada pengalaman pegawai audit. Dapatan daripada analisis regresi berganda menunjukkan hanya dua pemboleh ubah bebas yang berhubung secara signifikan dengan amalan penyimpanan rekod perniagaan iaitu sikap dan kawalan tingkah laku. Daripada perspektif teori, kajian ini dapat menyumbang kepada ilmu berkaitan amalan penyimpanan rekod perniagaan di kalangan pembayar cukai perniagaan. Hasil kajian ini juga dapat membantu pentadbir percukaian mengenal pasti faktor yang mempengaruhi tindakan pembayar cukai dalam amalan penyimpanan rekod perniagaan agar Hasrat Strategik LHDNM 2021-2025 dapat dicapai.

Kata kunci: penyimpanan rekod perniagaan, sikap, norma subjektif, tanggapan kawalan tingkah laku, pengetahuan cukai.

Universiti Utara Malaysia

ABSTRACT

Record keeping is vital for business as well as for tax purposes. Tax compliance includes keeping complete business records so that tax liability can be determined correctly and in an orderly manner. Therefore, this study attempts to explore the determinant factors that influence the business record-keeping practices of sole proprietorships and partnerships from the perspective of Inland Revenue Board of Malaysia (IRBM)'s audit officers using the Theory of Planned Behaviour. Specifically, the objective of this study is to examine the influence of attitude, subjective norms, perceived behavioural control and taxpayers' knowledge on taxation towards record-keeping practices from the perspectives of tax auditors. The results of the study found that attitude and perceived behavioural control have a significant influence on business record-keeping practices. Results from the multiple regression analysis indicate that only two independent variables significantly influence the record-keeping practices which are attitude and perceived behavioural control. From a theoretical perspective, this study contributes to the body of knowledge on the record-keeping practices among business taxpayers. The findings of this study would also insist the tax administrator in identifying the factors that influence the taxpayers' behaviour in record-keeping practices to achieve the Strategic Intent of the IRBM 2021-2025.

Keywords: record keeping, attitude, subjective norm, perceived behavioural control, tax knowledge.

Universiti Utara Malaysia

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji dan syukur terhadap Ilahi kerana dengan izinNya dapat saya menyiapkan kertas penyelidikan ini. Terima kasih kepada keluarga yang memahami dan memberi galakan serta sokongan sepanjang tempoh pengajian sarjana ini.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia kertas penyelidikan, Dr. Idawati Ibrahim atas segala bimbingan, teguran dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang proses untuk melengkapkan kertas kajian ini. Begitu juga semua tenaga pengajar yang terlibat dalam Program Pasca Siswazah ini atas segala perkongsian ilmu yang telah dicurahkan.

Penghargaan ditujukan kepada pengurusan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia yang meluluskan permohonan pengajian lanjutan peringkat sarjana di bawah program kerjasama antara Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Universiti Utara Malaysia. Tidak dilupakan kepada rakan-rakan sekerja yang memberikan kerjasama serta memudahkan urusan sepanjang pengajian saya.

Pahit getir dan cabaran dalam menyiapkan kertas penyelidikan ini sesungguhnya satu pengalaman yang cukup bermakna kerana akhirnya dapat disiapkan dalam kesibukan kerja hakiki. Sesungguhnya tanpa izin Allah dan bantuan serta sokongan semua pihak samada secara langsung atau tidak, mana mungkin kertas penyelidikan ini dapat diselesaikan.

Universiti Utara Malaysia

KANDUNGAN

PERAKUAN KERJA KERTAS PENYELIDIKAN (*CERTIFICATION OF RESEARCH PAPER*) ii
KEBENARAN MENGGUNA (*PERMISSION TO USE*) iii
ABSTRAK iv
ABSTRACT v
PENGHARGAAN vi
KANDUNGAN vii
SENARAI JADUAL ix
SENARAI RAJAH x
SENARAI SINGKATAN NAMA xi
BAB 1 1
PENGENALAN 1
1.1 Latar Belakang Kajian 1
1.2 Pernyataan Masalah 3
1.3 Persoalan Kajian 5
1.4 Objektif Kajian 5
1.5 Kepentingan Kajian 6
1.6 Skop Kajian 7
1.7 Batasan Kajian 7
1.8 Susunan Kajian 7
BAB 2 9
KAJIAN LITERATUR 9
2.1 Pengenalan 9
2.2 Cukai Pendapatan di Malaysia 10
2.3 Teori 11
2.4 Amalan Penyimpanan Rekod dan Pematuhan Cukai 12
2.5 Sikap Pembayar Cukai dan Amalan Penyimpanan Rekod Perniagaan 15
2.6 Norma Subjektif dan Amalan Penyimpanan Rekod Perniagaan 15
2.7 Tanggapan Kawalan Tingkah Laku dan Amalan Penyimpanan Rekod Perniagaan 16
2.8 Pengetahuan Cukai dan Amalan Penyimpanan Rekod Perniagaan 16
2.9 Faktor-faktor lain 17
2.10 Kesimpulan 18
BAB 3 19
METODOLOGI KAJIAN 19
3.1 Pengenalan 19

Universiti Utara Malaysia

3.2 Kerangka Kajian 19
3.3 Hipotesis Kajian 21
3.4 Reka Bentuk Kajian 22
3.5 Definisi Operasi Kajian (*Operational Definition*) 23
3.6 Pengukuran (*Measurement*) 24
3.7 Profil Sampel 25
3.8 Pengumpulan Data 25
3.9 Analisis Data 25
3.10 Kajian Rintis 27
BAB 4 29
KEPUTUSAN KAJIAN 29
4.1 Pengenalan 29
4.2 Kadar Soal Selidik yang Dijawab 29
4.3 Latar Belakang Responden 30
4.4 Penemuan Deskriptif 31
4.5 Keputusan Analisis Kebolehpercayaan (*Reliability Test Result*) 32
4.6 Keputusan Analisis Kesahan (*Validity Test Result*) 33
4.7 Keputusan Korelasi / Analisis Multikolineariti 34
4.8 Keputusan Normaliti 35
4.9 Keputusan Analisis Regresi Berganda 36
BAB 5 39
PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN 39
5.1 Pengenalan 39
5.2 Perbincangan 39
5.3 Batasan kajian 40
5.4 Sumbangan 41
5.5 Kajian seterusnya 42
5.6 Kesimpulan 42
RUJUKAN 43
LAMPIRAN 1 BORANG SOAL SELIDIK 47
LAMPIRAN 2 KEPUTUSAN SPSS (*SPSS RESULT*) 54
HALAMAN KOSONG 73

Universiti Utara Malaysia

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1 Jumlah item berdasarkan kepada pembolehubah

Jadual 3.2 Ujian kebolehpercayaan

Jadual 4.1 Kadar soal selidik yang dijawab

Jadual 4.2 Latar belakang responden

Jadual 4.3 Penemuan deskriptif bagi setiap pembolehubah

Jadual 4.4 Ujian kebolehpercayaan

Jadual 4.5 Analisis faktor (n=88)

Jadual 4.6 Analisis koefisyen *Pearson Correlation* (n=88)

Jadual 4.7 Ujian *Skewness* dan *Kurtosis* (n=88)

Jadual 4.8 Analisis regresi berganda

Universiti Utara Malaysia

SENARAI RAJAH

Rajah 2.1 Teori Gelagat Terancang (TPB)

Rajah 3.1 Cadangan Model Kajian

Universiti Utara Malaysia

SENARAI SINGKATAN NAMA

ACP	: Akta Cukai Pendapatan
BTOS	: *Bartlett Test of Sphericity*
CTIM	: *Chartered Taxation Institute of Malaysia* Institut Percukaian Bertauliah Malaysia
KMO	: Kaiser-Meyer Olkin
LHDNM	: Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
MIA	: *Malaysian Institute of Accountants* : Institut Akauntan Malaysia
OECD	: *Organisation for Economic Co-operation and Development* Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan
PCA	: *Principal Component Analysis* Analisis Komponen Utama
SSM	: Suruhanjaya Syarikat Malaysia
SPSS	: *Statistical Package for Social Science* Pakej Statistik untuk Sains Sosial
STS	: Sistem Taksir Sendiri
TPB	: *Theory of Planned Behavior* Teori Gelagat Terancang

Universiti Utara Malaysia

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Sumber pendapatan utama kepada Malaysia adalah daripada cukai pendapatan yang dikutip daripada pembayar cukai yang layak samada secara langsung atau tidak langsung. Di Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) merupakan agensi yang dipertanggungjawabkan memungut dan mentadbir cukai langsung bagi pihak kerajaan. Kutipan hasil oleh LHDNM sejak 2011 adalah melebihi 55 peratus daripada keseluruhan hasil negara (Laporan Tahunan LHDNM 2017). Semua sumbangan rakyat (cukai) akan kembali dinikmati oleh rakyat dalam pelbagai bentuk manfaat yang disediakan oleh kerajaan. Ini menunjukkan betapa pentingnya pembayar cukai sebagai ejen kepada pembangunan negara menerusi hasil kutipan cukai.

Universiti Utara Malaysia

Seiring dengan peredaran waktu, sistem percukaian negara mengalami perubahan dan penambahbaikan. Justeru itu, satu mekanisme pelaporan cukai pendapatan diperkenalkan secara berperingkat di Malaysia dikenali sebagai Sistem Taksiran Sendiri (STS) bermula dengan pembayar cukai syarikat dalam tahun 2001, diikuti untuk pembayar cukai individu dalam tahun 2004. Sistem ini diharap dapat meningkatkan kutipan cukai dan mengurangkan kos pengurusan cukai bukan sahaja kepada pentadbir cukai malahan kepada pembayar cukai itu sendiri. Seterusnya dapat meningkatkan pematuhan sukarela di kalangan pembayar cukai. Sesungguhnya bukan mudah untuk meyakinkan semua pembayar cukai supaya mematuhi undang-undang sistem percukaian (James & Alley, 2009).

Justeru untuk mencapai objektif-objektif ini, pembayar cukai bukan sahaja perlu mempunyai pengetahuan percukaian yang baik malahan perlu bertanggungjawab untuk melaporkan cukai yang sepatutnya dengan betul. Rasa tanggungjawab ini sekaligus akan mendorong pembayar cukai untuk cakna mengenai perkara berkaitan percukaian, undang-undang dan peraturan yang digariskan termasuklah menyelenggara dan menyimpan rekod perniagaan dengan betul dan teratur.

Di bawah era STS, pembayar cukai tidak perlu lagi mengemukakan rekod-rekod perniagaan kepada LHDNM bagi tujuan pengiraan cukai pendapatan sebaliknya menjadi tanggungjawab pembayar cukai untuk menaksir dan menentukan cukai pendapatan mereka. Oleh yang demikian, adalah menjadi kewajipan kepada pembayar cukai untuk menyimpan segala rekod perniagaan mereka dengan selamat untuk tempoh tujuh tahun dari tarikh pengemukaan Borang Nyata bagi sesuatu tahun taksiran. Tindakan penyimpanan rekod tersebut dibuat supaya pendapatan daripada perniagaan dapat ditentukan dengan mudah.

Universiti Utara Malaysia

Pembayar cukai dikehendaki menyimpan rekod yang mencukupi dan lengkap bagi membolehkan pendapatan perniagaan dapat ditentukan seperti mana diperuntukkan di bawah Seksyen 82 Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan tuntutan pembayar cukai tidak dibenarkan dan penalti akan dikenakan seperti mana dinyatakan di bawah Seksyen 82A ACP 1967.

Selaras dengan peruntukan seksyen-seksyen di atas, LHDNM telah mengeluarkan garis panduan kepada pembayar cukai melalui Ketetapan Umum No. 5/2000 (pindaan) untuk pembayar cukai individu dan perkongsian dan Ketetapan Umum No. 4/2000 (pindaan) untuk syarikat dan koperasi. Garis panduan ini menjelaskan dengan lebih terperinci pemakaian Seksyen 82 ACP 1967 dari segi maksud rekod mencukupi yang

perlu disimpan dan kesan kegagalan penyimpanan rekod yang mencukupi. Rekod yang mencukupi seperti mana dinyatakan dalam Ketetapan Umum tersebut ialah rekod samada dalam bentuk elektronik atau bertulis hendaklah lengkap bagi menerangkan setiap transaksi yang dilakukan agar penyata kewangan yang disediakan benar dan saksama.

Walau bagaimanapun beberapa kajian terdahulu mengenai pematuhan cukai mengaitkan ketidakpatuhan dengan amalan penyimpanan rekod (sebagai contoh Danford et al., 2014; dan Noble, 2000). Penyimpanan rekod yang tidak teratur menyebabkan pembayar cukai melaporkan pendapatan secara anggaran dan bukan berdasarkan pendapatan sebenar. Selain itu, mereka ini juga cenderung melaporkan cukai yang rendah yang seterusnya memberi kesan kepada jumlah kutipan cukai.

1.2 Pernyataan Masalah

Salah satu faktor yang menyumbang kepada ketidakpatuhan cukai ialah dari segi amalan penyimpanan dan penyelenggaraan rekod perniagaan (Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan [OECD], 2004). Walaupun ketetapan mengenai penyimpanan rekod yang mencukupi telah dikeluarkan sejak dari tahun 2001, namun masih terdapat segelintir pembayar cukai dari kalangan peniaga kecil milikan tunggal dan perkongsian yang tidak mempunyai rekod yang lengkap dan mencukupi.

Berdasarkan pengalaman Pegawai Audit Luar selain Syarikat LHDNM, antara penyebab utama yang menyumbang kepada situasi ini adalah kerana jenis perniagaan milikan tunggal dan perkongsian tersebut tidak terikat dengan Akta Syarikat 2016. Di bawah akta ini, syarikat dikehendaki memfailkan penyata tahunan beraudit dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dalam tempoh tertentu yang mengandungi

butiran-butiran tertentu serta ditandatangani oleh pengarah atau setiausaha syarikat. Malahan rekod perniagaan juga perlulah disimpan dengan teratur dan lengkap.

Selain itu, faktor pemilikan perniagaan juga mungkin mempunyai kesan kerana pemilik perniagaan merupakan pemilikan tunggal dan ahli kongsi sahaja di mana mereka bertanggungjawab sepenuhnya terhadap perniagaan. Corak atau urustadbir perniagaan ditentukan pemilik perniagaan tanpa perlu campur tangan pihak luar. Begitu juga dengan cara penyimpanan rekod. Berbeza dengan syarikat di mana pemegang saham bukanlah pemilik syarikat. Kedua-duanya merupakan entiti yang berasingan di mana urusan pentadbiran tidak ditentukan oleh pemegang saham. Semua rekod perlu diselenggara dengan baik oleh pengurusan syarikat supaya penyata kewangan yang dipersembahkan kepada pemegang saham dan pemegang taruh yang lain adalah boleh dipercayai.

Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk mendalami faktor-faktor penentu amalan penyimpanan rekod di kalangan pembayar cukai perniagaan kecil milikan tunggal dan perkongsian berdasarkan pengalaman Pegawai Audit Luar selain Syarikat, LHDNM. Fokus kajian ini adalah peniaga kecil milikan tunggal dan perkongsian kerana berdasarkan kajian empirikal yang dijalankan oleh pengkaji terdahulu mendapati beban pematuhan cukai lebih dirasai oleh perniagaan kecil (Mustafa, Arif & Kasipillai, 2001 dan Jabbar & Pope, 2008). Kajian ini akan mengadaptasi teori yang berpengaruh dalam mengkaji gelagat-gelagat manusia iaitu Teori Gelagat Terancang (*Theory of Planned Behavior* - TPB). Teori ini ditambah baik dengan penambahan faktor pengetahuan cukai untuk mengetahui sejauh mana tahap pengetahuan cukai pemilik perniagaan kecil mempengaruhi amalan penyimpanan rekod. Banyak kajian yang dijalankan untuk mendalami tahap pengetahuan di dalam niat pematuhan cukai (Saad

(2014), Loo (2006), dan Danford, John & Lazaro (2014)). Namun pengujian terhadap gelagat penyimpanan rekod juga adalah bersesuaian kerana secara tidak langsung hal ini akhirnya akan mempengaruhi pematuhan cukai.

1.3 Persoalan Kajian

Kajian ini dibuat bagi menjawab persoalan-persoalan berikut:

i. Adakah sikap (*attitude*) pembayar cukai mempengaruhi amalan penyimpanan rekod perniagaan di kalangan peniaga kecil milikan tunggal dan perkongsian?

ii. Adakah norma subjektif (*subjective norm*) mempengaruhi amalan penyimpanan rekod perniagaan di kalangan peniaga kecil milikan tunggal dan perkongsian?

iii. Bagaimana tanggapan kawalan tingkah laku (*perceived behavioral control*) memberi kesan kepada amalan penyimpanan rekod perniagaan di kalangan peniaga kecil milikan tunggal dan perkongsian?

iv. Adakah pengetahuan pembayar cukai mengenai cukai menentukan amalan penyimpanan rekod perniagaan di kalangan peniaga kecil milikan tunggal dan perkongsian?

1.4 Objektif Kajian

Penyimpanan rekod merupakan bahagian penting dalam pengurusan perniagaan kerana dengan penyimpanan rekod yang teratur, pemilik atau pihak pengurusan boleh menjejaki operasi harian mereka. Tambahan lagi, penyimpanan rekod menjadi satu kewajiipan kepada pembayar cukai di bawah era STS. Ketidakpatuhan boleh menyebabkan pembayar cukai berdepan penalti dan kos pematuhan lain.

Universiti Utara Malaysia

Oleh sebab itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mendalami hubungan antara sikap, norma subjektif, tanggapan kawalan tingkah laku dan pengetahuan cukai terhadap amalan penyimpanan rekod seterusnya impak terhadap pematuhan cukai di kalangan peniaga-peniaga kecil daripada perspektif pegawai audit LHDNM mengikut rangka kerja TPB. Secara khusus objektif kajian ini adalah:

i. Untuk melihat pengaruh sikap pembayar cukai itu sendiri terhadap amalan penyimpanan rekod perniagaan di kalangan peniaga kecil milikan tunggal dan perkongsian.

ii. Untuk mendalami kesan norma subjektif terhadap amalan penyimpanan rekod perniagaan di kalangan peniaga kecil milikan tunggal dan perkongsian.

iii. Untuk menganalisa kesan tanggapan kawalan tingkah laku terhadap amalan penyimpanan rekod perniagaan di kalangan peniaga kecil milikan tunggal dan perkongsian.

iv. Untuk mendalami samada pengetahuan cukai menentukan corak amalan penyimpanan rekod perniagaan di kalangan peniaga kecil milikan tunggal dan perkongsian.

Universiti Utara Malaysia

1.5 Kepentingan Kajian

Antara misi hasrat strategik LHDNM 2021 - 2025 adalah untuk memaksimumkan pematuhan sukarela (Pelan Korporat LHDNM 2021 - 2025). Diharap hasil kajian ini boleh digunakan oleh LHDNM sebagai pentadbir cukai negara untuk merangka tindakan yang sepatutnya dan memperkemaskan lagi strategi sedia ada bagi menangani masalah penyimpanan rekod di kalangan peniaga-peniaga kecil yang

menyumbang kepada berlakunya ketidakpatuhan cukai seterusnya dapat membantu LHDNM mencapai misinya.

Selain itu, hasil kajian ini diharap boleh menjadi input tambahan kepada pemegang-pemegang taruh sistem percukaian di Malaysia yang lain termasuk juga mereka yang berminat dan merancang untuk menjalankan kajian mengenai pematuhan cukai dan amalan penyimpanan rekod.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini dibuat untuk mendalami faktor-faktor yang menentukan amalan penyimpanan rekod yang baik di kalangan peniaga kecil milikan tunggal dan perkongsian berdasarkan pengalaman Pegawai Audit Luar selain Syarikat, LHDNM. Seterusnya mengenal pasti faktor manakah yang banyak mempengaruhi dan memberi kesan terhadap amalan penyimpanan rekod.

Universiti Utara Malaysia

1.7 Batasan Kajian

Kaji selidik yang dijalankan adalah berdasarkan perspektif dan pengalaman pegawai-pegawai audit semasa melaksanakan tugas-tugas audit. Oleh yang demikian, hasil kajian ini tidak menggambarkan sepenuhnya faktor-faktor penentu amalan penyimpanan rekod pembayar cukai.

1.8 Susunan Kajian

Kajian ini terdiri daripada lima bab. Dimulai dengan bab pertama iaitu pengenalan kepada kajian ini merangkumi pernyataan masalah, persoalan, objektif, kepentingan dan skop serta batasan kajian. Diikuti dengan bahagian kedua yang mengupas literatur

kajian-kajian terdahulu berkaitan isu-isu amalan penyimpanan rekod perniagaan. Bab ketiga akan menerangkan metodologi termasuklah kaedah pengumpulan data yang terlibat dalam kajian ini. Analisis dan kupasan berkaitan keputusan yang diperolehi daripada data akan diterangkan di dalam bab keempat kertas kajian ini. Bab terakhir iaitu bab lima akan membincangkan rumusan dan cadangan susulan daripada dapatan kajian ini.

Universiti Utara Malaysia

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan mengenai kajian terdahulu berkaitan dengan amalan penyimpanan rekod. Pelbagai kajian mengenai amalan penyimpanan rekod telah dilaksanakan untuk menambah baik kaedah dan cara penyelenggaraan serta penyimpanan rekod (Evans et al., 2005; Musah & Ibrahim, 2014). Untuk kajian ini, fokus adalah untuk mendalami penyimpanan rekod perniagaan dari segi pematuhan cukai. Bab ini juga akan menerangkan teori dan jenis-jenis pemboleh ubah yang diuji yang mungkin mempengaruhi amalan penyimpanan rekod peniaga-peniaga kecil milikan tunggal dan perkongsian di Malaysia daripada pengalaman pegawai-pegawai audit LHDNM.

Dalam perniagaan, penyimpanan rekod yang teratur dilihat sebagai salah satu faktor penting yang mempengaruhi prestasi sesebuah perniagaan (Musah & Ibrahim, 2014). Ianya bukan sahaja membantu kejayaan sesebuah perniagaan, bahkan sistem rekod perniagaan yang komprehensif membolehkan pemilik perniagaan menyediakan laporan kewangan yang baik (Hughes, 2003) serta dapat melaporkan cukai pendapatan dengan betul, memudahkan urusan pinjaman bank dan memantau serta merancang operasi perniagaan dengan lebih baik (Arzeno, 2004).

Universiti Utara Malaysia

2.2 Cukai Pendapatan di Malaysia

Perubahan sistem percukaian di Malaysia daripada sistem taksiran formal kepada STS membawa kepada peralihan tanggungjawab dan peranan pegawai audit LHDNM termasuk pembayar cukai itu sendiri. Senario ini dapat dilihat sejak STS diperkenalkan dalam tahun 2001 di mana peranan pegawai audit berubah dari menaksir cukai berdasarkan maklumat pendapatan yang disalurkan oleh pembayar cukai kepada tugas mengaudit pendapatan yang telah ditaksir sendiri oleh pembayar cukai. Ini memberi nilai tambah kepada kedua-dua belah pihak. Sebagai contoh, pembayar cukai perlu meningkatkan ilmu pengetahuan cukai supaya cukai pendapatan dapat ditentukan dengan betul. Manakala bagi pegawai-pegawai audit pula, mereka dapat menumpukan perhatian kepada penguatkuasaan undang-undang dan memberikan perkhidmatan lain yang lebih baik dan efisyen kepada pembayar cukai khususnya dan pentadbiran percukaian amnya. Sistem ini memerlukan komitmen yang tinggi daripada pembayar cukai bukan sahaja untuk memahami undang-undang percukaian malahan untuk mematuhi cukai secara sukarela (Ahmad, 2004). Pembayar cukai dianggap mahir dengan undang-undang percukaian sedia ada dan semua peruntukan percukaian (Saad, 2014).

Universiti Utara Malaysia

Menurut Jabbar dan Pope (2008), perubahan kepada era STS boleh memberi kesan yang teruk kepada peniaga kecil dan sederhana (PKS) terutamanya untuk menyelenggara rekod perniagaan. Rangka kerja audit cukai (RKAC) yang diperkenalkan oleh LHDNM pada Januari 2007 memberi panduan dan menerangkan hak serta tanggungjawab pembayar cukai, ejen cukai termasuk juga pegawai audit. Rangka kerja tersebut dipinda dari masa ke semasa mengikut kesesuaian dan undang-undang yang sedang berkuatkuasa. Ianya bertujuan bukan sahaja membantu pegawai

audit menjalankan tugas mereka dengan lebih cekap dan berkesan malahan membantu pembayar cukai memenuhi tanggungjawab mereka.

Audit cukai bermaksud pemeriksaan atau semakan rekod perniagaan dan hal ehwal kewangan pembayar cukai. Ini adalah untuk memastikan pembayar cukai melaporkan pendapatan yang sepatutnya supaya cukai yang dikira serta dibayar adalah mengikut undang-undang percukaian yang sedang berkuat kuasa (RKAC bertarikh 15 Disember 2019). Oleh yang demikian, adalah menjadi kewajipan kepada pembayar cukai untuk menyimpan rekod yang mencukupi supaya setiap pendapatan yang dilaporkan dan belanja yang dituntut dapat dibuktikan. Buku-buku panduan dan juga ketetapan umum yang dikeluarkan oleh LHDNM boleh dijadikan sebagai panduan berkaitan dengan penyimpanan rekod.

Pembayar cukai boleh dipilih untuk diaudit pada bila-bila masa (tertakluk kepada had masa seperti yang digariskan di bawah ACP 1967. Aktiviti audit yang dijalankan bukanlah untuk mencari salah pembayar cukai tetapi merupakan satu pendekatan oleh LHDNM untuk memberi pendidikan serta pendedahan kepada pembayar cukai terhadap tanggungjawab dan kewajipan mereka di bawah peruntukan ACP 1967 sekaligus meningkatkan pematuhan secara sukarela terhadap undang-undang dan peraturan percukaian serta memastikan pematuhan cukai di bawah STS tercapai.

2.3 Teori

Tingkah laku, tindakan serta maklum balas individu terhadap sesuatu perkara adalah berbeza bergantung kepada faktor di sekeliling individu tersebut. Tambahan lagi, kejayaan STS dan pengakuan sukarela bergantung ke atas setiap individu. Kajian ini mencadangkan model kerangka konseptual berkenaan faktor-faktor yang

mempengaruhi gelagat penyimpanan rekod perniagaan di kalangan peniaga-peniaga kecil milikan tunggal dan perkongsian di Malaysia berdasarkan kepada Teori Gelagat Terancang (*Teory of Planned Behavior* - TPB). TPB merupakan model yang berpengaruh dan banyak digunakan untuk menjelaskan gelagat sosial manusia. TPB turut menjelaskan bahawa niat dan gelagat adalah ditentukan oleh tiga faktor iaitu sikap (*attitude*), norma subjektif (*subjective norm*) dan tanggapan kawalan tingkah laku (*perceived behavioural control*). Termasuk dalam kajian ini ialah pemboleh ubah bebas lain iaitu pengetahuan cukai. Menurut Ajzen (1991) lagi, faktor utama dalam TPB adalah niat untuk melakukan sesuatu tindakan di mana niat merupakan pendorong yang mempengaruhi sesuatu gelagat.



Rajah 2.1: Teori Gelagat Terancang (TPB)
Sumber: Ajzen, 1991 (muka surat 182)

2.4 Amalan Penyimpanan Rekod dan Pematuhan Cukai

Kegagalan untuk mematuhi undang-undang cukai samada dengan niat atau tanpa niat melakukannya merupakan ketidakpatuhan cukai (Kinseydan & Grasmick, 1993). Manakala dalam OECD (2004) pula menyatakan, ketidakpatuhan cukai berlaku

sekiranya pembayar cukai tidak mendaftar cukai, tidak memfailkan cukai dalam tempoh, tidak melaporkan cukai dengan betul dan teratur termasuk tidak menyimpan rekod yang baik serta tidak membayar cukai dalam tempoh masa yang ditetapkan. Penyimpanan rekod juga merupakan antara faktor yang menyebabkan proses audit cukai tidak dapat diselesaikan di dalam tempoh yang ditetapkan oleh Rangka Kerja Audit Cukai (Apadore, Ramli & Palil, 2018). Tidak dapat dinafikan pematuhan cukai secara langsung melibatkan penyimpanan rekod.

Rekod yang disimpan samada dalam bentuk bertulis atau elektronik hendaklah mencukupi bagi menerangkan setiap transaksi dan membolehkan akaun untung rugi dan kunci kira-kira yang benar dan saksama dapat disediakan (Ketetapan Umum No. 5/2000 (dipinda)). Cara perekodan samada manual atau elektronik mempunyai kebaikan dan kelebihan masing-masing daripada segi kos dan keselamatan maklumat data. Pengurusan rekod adalah termasuk mengguna pakai dan mengadaptasi teknologi baru dalam pengurusan. Ianya mestilah mudah digunakan, senang difahami, dipercayai dan direkod secara konsisten (McLean, 1999). Ini bagi membolehkan perniagaan memantau prestasi perniagaan, penyediaan penyata kedudukan kewangan, mengenal pasti sumber dokumen dan melaporkan cukai pendapatan termasuk dokumen untuk menyokong segala pendapatan yang dilaporkan dan belanja yang dituntut.

Palil (2010) dalam kajiannya pula menyatakan ketidakpatuhan cukai boleh berlaku apabila pembayar cukai melaporkan pendapatan yang kurang daripada sebenar, menuntut pelepasan yang tidak sepatutnya dan mengemukakan borang retan di luar tempoh yang ditetapkan. Pelbagai kesan ketidakpatuhan cukai ini. Antaranya boleh menyebabkan pungutan hasil negara berkurangan (Hijattulah & Pope, 2008) dan

Universiti Utara Malaysia

seterusnya menjejaskan perbelanjaan pentadbiran negara. Selain itu, pembayar cukai yang patuh akan merasa tidak puas hati. Perasaan ini wujud disebabkan mereka yang mematuhi undang-undang cukai merasa tidak adil kerana di sebelah pihak yang lain ada yang hidup mewah namun tidak memberi sumbangan kepada pembangunan negara (Kirchler, Hoelzi & Walhl, 2008).

Lima peranan penting yang perlu dimainkan oleh pembayar cukai telah disenaraikan oleh Singh dan Bhupalan (2002) iaitu jujur semasa melaporkan maklumat dalam borang cukai, mempunyai pengetahuan cukai, mengemukakan borang retan dalam tempoh yang dibenarkan, mengira cukai dengan betul dan menyimpan rekod perniagaan yang lengkap.

Penyimpanan rekod yang baik bukan saja bermanfaat untuk sesebuah perniagaan itu sendiri malahan untuk tujuan percukaian. Hansford dan Hasseldine (2012), dalam kajian mereka mendedahkan hampir 50 peratus responden bersetuju bahawa manfaat penyimpanan rekod perniagaan bagi mematuhi tanggungjawab percukaian turut membantu mereka memperbaiki amalan penyimpanan rekod perniagaan mereka. Perniagaan yang lemah dari segi penyimpanan rekod perniagaan akan berhadapan dengan kesukaran untuk membuktikan setiap transaksi urusniaga apabila perniagaan dipilih untuk diaudit oleh pegawai audit cukai dan keberangkalian cukai yang dilaporkan akan dipinda oleh pegawai audit cukai adalah lebih tinggi berbanding perniagaan yang menyimpan dan menyelenggara rekod perniagaan dengan baik dan teratur (Evans et al., 2005).

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi gelagat penyimpanan rekod perniagaan peniaga-peniaga kecil milikan tunggal dan perkongsian.

2.5 Sikap Pembayar Cukai dan Amalan Penyimpanan Rekod Perniagaan

Sikap didefinisikan sebagai darjah kecenderungan seseorang terhadap sesuatu tingkah laku (Ajzen, 1991) termasuk penilaian atau pandangan seseorang sebelum melaksanakan sesuatu tingkah laku itu (Benk & Budak, 2011). Penilaian yang baik akan mendorong seseorang itu mempunyai niat untuk melaksanakan sesuatu tindakan tersebut manakala pandangan yang buruk terhadap gelagat akan mengurangkan niat untuk meneruskan tindakan tersebut.

Eriksen dan Fallan (1996) menyatakan ada kajian terdahulu yang menunjukkan secara jelas bagaimana sikap terhadap percukaian dipengaruhi oleh pengetahuan yang spesifik terhadap undang-undang percukaian. Pematuhan akan menjadi sukar jika tiada pemahaman dan sikap yang positif berkaitan sistem percukaian (Ahmad, 2004). Kesannya, kadar pematuhan sukarela tidak akan berada pada tahap yang maksimum dan tanggungjawab sebagai pembayar cukai yang patuh tidak terlaksana (Loo, 2006).

Universiti Utara Malaysia

2.6 Norma Subjektif dan Amalan Penyimpanan Rekod Perniagaan

Norma subjektif ditakrifkan sebagai tekanan sosial, persepsi atau kepercayaan individu lain atau masyarakat yang akan mempengaruhi niat untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu tingkah laku (Jogiyanto, 2007). Ini termasuk juga pandangan orang lain seperti ibu bapa, pasangan, guru dan kawan-kawan dijadikan sebagai rujukan dalam mempengaruhi tindakan sesorang individu (Cheng et al., 2010). Kumpulan masyarakat ini memberi pengaruh yang besar kepada seseorang untuk melakukan sesuatu tindakan dari segi memberi pendapat, sokongan atau cadangan untuk menggalakkan seseorang untuk bertindak (Bidin, Md. Idris & Mohd Shamsudin, 2009).

2.7 Tanggapan Kawalan Tingkah Laku dan Amalan Penyimpanan Rekod Perniagaan

Tanggapan kawalan tingkah laku merujuk kepada persepsi seseorang samada sesuatu tindakan yang ingin dilakukan itu sukar atau senang di mana seseorang percaya bahawa setiap keputusan ditentukan oleh tingkah lakunya. Pelaksanaan tingkah laku merupakan gabungan niat dan tanggapan kawalan tingkah laku (Azjen, 1991). Dengan kata lain, tingkah laku seseorang dikawal oleh sumber dalam diri individu terbabit atau sumber luaran.

Kajian Danford et al. (2014) juga mendedahkan bahawa beberapa peniaga tidak berminat untuk menyimpan rekod perniagaan dengan teratur disebabkan cukai yang akan dikenakan kerana rekod tersebut akan mendedahkan segala aktiviti perniagaan sekaligus cukai perniagaan dapat ditentukan dengan mudah berbanding mereka yang tidak menyimpan rekod. Bagi mereka tindakan ini merupakan strategi untuk mengurangkan cukai. Tanggapan pembayar cukai terhadap sistem percukaian merupakan isu penting yang menentukan tahap pematuhan cukai.

Universiti Utara Malaysia

2.8 Pengetahuan Cukai dan Amalan Penyimpanan Rekod Perniagaan

Pendidikan cukai dari masa ke semasa samada melalui seminar atau taklimat anjuran LHDNM selaku pentadbir cukai mahupun badan-badan professional seperti MIA, CTIM dan sebagainya bertujuan meningkatkan tahap pengetahuan cukai di kalangan orang ramai termasuk juga ejen cukai. Ini kerana pengetahuan cukai merupakan elemen penting pematuhan cukai secara sukarela (Kasippilai, 2000). Ceteknya pengetahuan cukai di kalanan rakyat akan menyebabkan hasil kutipan cukai terjejas (Shaharudin & Palil, 2016).

Pengetahuan cukai dikalangan pembayar cukai individu berkait secara positif dengan pematuhan cukai (Kirchler et al., 2008, Palil, 2010, dan Saad, 2013). Maka, kurangnya pengetahuan cukai di kalangan pembayar cukai akan membawa kepada ketidakpatuhan samada secara sengaja atau tidak sengaja dikalangan pembayar cukai terutamanya pembayar cukai individu.

Untuk menjadi pembayar cukai yang patuh, pembayar cukai mestilah seorang yang mempunyai ilmu percukaian sekurang-kurangnya asas percukaian (Choong & Wong, 2011). Oleh yang demikian taksiran cukai dapat dibuat dengan betul dan dalam tempoh yang dibenarkan.

Dapatan kajian oleh Danford, John dan Lazaro (2014) mendapati bahawa sikap ketidakpatuhan sebahagian besarnya disebabkan oleh kurangnya pendidikan dan latihan berkaitan cara penyimpanan rekod dan pengetahuan. Manakala hasil kajian Choong dan Wong (2011) terhadap penjaja secara umumnya mendapati responden tidak mempunyai pengetahuan yang baik terhadap STS dan responden bimbang sekiranya diaudit.

Hasil daripada kajian terdahulu, dapatlah disimpulkan bahawa pengetahuan cukai memainkan peranan penting di era STS agar cukai dapat ditaksirkan dengan betul selari dengan undang-undang percukaian yang sedang berkuat kuasa.

2.9 Faktor-faktor lain

Dalam kajian ini juga, faktor-faktor saiz dan jenis perniagaan pembayar cukai juga dikaji. Hasil kajian Danford et al. (2014) mendapati peniaga-peniaga tidak berminat untuk menyimpan rekod supaya perniagaan mereka dilihat sebagai perniagaan berskala kecil. Ini bagi membolehkan mereka untuk mengelakkan bebanan cukai.

Setiap perniagaan walau apa jua saiz dan jenis perniagaan, memerlukan maklumat yang boleh dipercayai supaya operasi dapat diuruskan dengan berkesan dan efisyen.

2.10 Kesimpulan

Sesungguhnya setiap kajian mengenai amalan penyimpanan rekod daripada pelbagai sektor dan industri adalah untuk menambahbaik sistem penyelenggaraan dan penyimpanan rekod. Oleh yang demikian, dari segi penyimpanan rekod perniagaan sudah jelas bertujuan untuk mengesahkan pendapatan yang dilaporkan oleh pembayar cukai dalam era STS sekaligus setiap transaksi perniagaan dapat dibuktikan.

Universiti Utara Malaysia

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Sorotan literatur di bab dua kajian ini telah menjelaskan kepentingan amalan penyimpanan rekod yang baik dan teratur untuk kejayaan sesebuah perniagaan dan memenuhi keperluan undang-undang khususnya undang-undang percukaian. Walau bagaimanapun, didapati perniagaan kecil kebiasaannya tidak berminat untuk menyimpan rekod. Oleh yang demikian, kajian mengenai penyimpanan rekod oleh perniagaan kecil di Malaysia khususnya amat penting.

Bab ini akan membincangkan mengenai reka bentuk kajian dan metodologi yang digunakan di dalam kajian untuk mendalami faktor-faktor penentu amalan penyimpanan rekod daripada pandangan dan pengalaman pegawai audit semasa melaksanakan pengauditan ke atas para pembayar cukai perniagaan milikan tunggal dan perkongsian. Selain itu, akan dijelaskan juga berkenaan model kajian, hipotesis, pengumpulan data, analisis data dan ujian rintis (*pilot study*) yang memberi fokus kepada keputusan kebolehpercayaan (*reliability*) dan kesahihan (*validity*) setiap pemboleh ubah. Seterusnya analisis regresi berganda dijalankan untuk melihat sejauh mana pemboleh ubah bebas berkolerasi dengan pemboleh ubah bersandar.

3.2 Kerangka Kajian

Seperti mana yang dinyatakan di dalam bab dua, kerangka kajian ini adalah berasaskan teori TPB. Teori ini merupakan teori penting yang merangkumi skop psikologi sosial. Ianya dibangunkan oleh Ajzen (1991) rentetan daripada penambahbaikan teori yang dibangunkan oleh Fishbein dan Ajzen (1975) iaitu Teori Tindakan Bersebab (*Theory*

of Reasoned Action) untuk menghurai tingkah laku manusia. Teori ini telah diguna pakai secara meluas dalam kajian mengenai tingkah laku dan gelagat manusia dalam pelbagai bidang kajian seperti perubatan (Mann & Williams, 2003), pertanian (Pejanovic et al, 2013) dan sebagainya. Terdapat tiga pemboleh ubah dalam teori ini yang mempengaruhi niat iaitu sikap, norma subjektif dan tanggapan kawalan tingkah laku.

Kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti faktor-faktor penentu penyimpanan rekod di kalangan peniaga kecil milikan tunggal dan perkongsian berasaskan TPB di mana terdapat empat pemboleh ubah bebas iaitu sikap, norma subjektif, tanggapan kawalan tingkah laku dan pengetahuan cukai dan satu pemboleh ubah bersandar iaitu amalan penyimpanan rekod perniagaan.



Rajah 3.1
Model kajian

Berdasarkan kepada rajah 3.1, faktor-faktor penentu amalan penyimpanan rekod perniagaan adalah berkait secara langsung dengan gelagat (tiada niat) kerana kajian ini adalah daripada pengalaman pegawai audit dan bukannya pelaku sebenar tindakan (pembayar cukai). Kajian ini mengumpul data secara kuantitatif melalui penggunaan soal-selidik yang diedar secara atas talian. Untuk menjawab persoalan kajian, hipotesis kajian telah dibina seperti yang dibincangkan di dalam seksyen berikutnya.

3.3 Hipotesis Kajian

Penyimpanan rekod perniagaan yang lengkap amat dititik berat oleh LHDNM selaras dengan peruntukan Seksyen 82 ACP 1967. Garis panduan kepada pembayar cukai melalui Ketetapan Umum No. 4/2000 (pindaan) dan 5/2000 (pindaan) dikeluarkan untuk memberi panduan dan penerangan lanjut berkaitan penyimpanan rekod. Seperti mana yang digariskan oleh OECD (2004), penyimpanan rekod merupakan salah satu ciri-ciri pematuhan cukai dan amalan penyimpanan rekod pula berkait rapat dengan gelagat pembayar cukai. Untuk menjelaskan mengenai gelagat, model teori TPB digunakan untuk melihat perkaitan antara sikap, norma subjektif dan tanggapan kawalan tingkah laku terhadap amalan penyimpanan rekod perniagaan.

Hasil kajian Sudiartana dan Mendra (2018) berkenaan pematuhan pembayar cukai perniagaan kecil dan sederhana mendapati sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan tanggapan kawalan tingkah laku mempunyai kesan niat untuk mematuhi peruntukan percukaian. Kajian yang dijalankan oleh Lumumba et.al. (2010) berkaitan sikap pembayar cukai dan gelagat pematuhan cukai di Kenya mendapati lebih 40 peratus sampel kajian tidak menyimpan rekod transaksi seperti mana yang dikehendaki oleh undang-undang percukaian.

Maka, hipotesis H1, H2 dan H3 dibentuk seperti berikut:

H1. Terdapat hubungan yang positif di antara sikap dan amalan penyimpanan rekod perniagaan di kalangan peniaga kecil milikan tunggal dan perkongsian.

H2. Terdapat hubungan yang positif di antara norma subjektif dengan amalan penyimpanan rekod perniagaan di kalangan peniaga kecil milikan tunggal dan perkongsian.

H3. Terdapat hubungan yang positif di antara tanggapan kawalan tingkah laku dengan amalan penyimpanan rekod perniagaan di kalangan peniaga kecil milikan tunggal dan perkongsian.

Selain daripada model TPB, faktor pengetahuan cukai juga diuji. Pembayar cukai dianggap mempunyai pengetahuan yang cukup untuk memahami sistem percukaian supaya dapat melaporkan cukai dengan tepat dan teratur (Kassipillai & Abdul-Jabbar, 2006). Yeo, Lim dan Azhar (2019) mendakwa bahawa pengetahuan cukai tiada pengaruh signifikan ke atas tingkah laku pematuhan cukai. Sebaliknya dapatan kajian oleh Yahya et al. (2021) pula mendedahkan bahawa pengetahuan cukai dilihat sebagai faktor yang menyumbang kepada ketidakpatuhan di kalangan peniaga milikan tunggal. Oleh sebab itu, kajian ini akan menguji hipotesis seperti di bawah.

H4. Wujud hubungan yang positif di antara pengetahuan cukai dengan amalan penyimpanan rekod perniagaan di kalangan peniaga kecil milikan tunggal dan perkongsian.

3.4 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah untuk menerokai faktor-faktor yang mempengaruhi amalan penyimpanan rekod perniagaan di kalangan peniaga-peniaga kecil milikan tunggal dan

perkongsian dari perspektif dan pengalaman pegawai audit LHDNM. Untuk mencapai objektif ini, kaedah kuantitatif akan diguna pakai bagi memastikan data yang diperolehi boleh dipercayai dan sahih. Menurut Cresswell (2003), kaedah kuantitatif jika dibentuk dengan baik akan menghasilkan statistik secara umum. Kajian kuantitatif cuba memberi ukuran yang tepat berkenaan dengan sesuatu perkara seperti tingkah laku, pengetahuan atau pandangan.

Oleh itu, satu set borang soal selidik telah dibentuk sebagai satu instrumen untuk kajian ini dan diedarkan kepada responden melalui medium aplikasi *Whatsapp*. Maklumat soal selidik yang telah diedarkan adalah seperti di LAMPIRAN 1.

3.5 Definisi Operasi Kajian (*Operational Definition*)

Terdapat lima pemboleh ubah utama yang digunakan di dalam kajian ini dan setiap satunya didefinisikan seperti berikut. Sikap didefinikan sebagai perangai atau gelagat individu berdasarkan kepada penilaian positif atau negatif. Norma subjektif ditakrifkan sebagai pengaruh sosial disekelilingnya. Tanggapan kawalan tingkah laku pula didefinisikan sebagai sesuatu yang mengawal seseorang untuk melaksanakan sesuatu gelagat. Manakala Kamus Dewan edisi keempat mendefinisikan pengetahuan sebagai perihal mengetahui akan sesuatu. Oleh itu, pengetahuan cukai merujuk kepada pemahaman seseorang terhadap sistem dan ilmu percukaian. Amalan penyimpanan rekod perniagaan pula merujuk kepada aktiviti menyimpan dan menyelenggara rekod perniagaan.

Universiti Utara Malaysia

3.6 Pengukuran (*Measurement*)

Data kajian ini diperolehi melalui kaedah kuantitatif. Borang soal selidik yang dibentuk terbahagi kepada tiga bahagian merangkumi: a) latar belakang responden; b) skor-skor pemboleh ubah bersandar iaitu amalan penyimpanan rekod perniagaan dan skor-skor pemboleh ubah bebas iaitu sikap, norma subjektif, tanggapan kawalan tingkah laku dan pengetahuan cukai; c) faktor-faktor lain yang tidak dinyatakan oleh pengkaji tetapi pada pandangan pegawai audit faktor tersebut turut mempengaruhi amalan penyimpanan rekod pembayar cukai. Untuk soalan pada bahagian B, reponden diberi pilihan mengikut skala likert lima mata di mana 1) sangat tidak bersetuju; 2) tidak setuju; 3) neutral; 4) setuju; dan 5) sangat setuju.

Soalan-soalan berkaitan pemboleh ubah bersandar dibina berasaskan kepada Ketetapan Umum No. 5/2000 (dipinda): Penyimpanan rekod yang mencukupi (Individu & Perkongsian) yang dikeluarkan oleh LHDNM. Manakala soalan-soalan berkenaan pemboleh ubah bebas pula dibentuk berasaskan pemboleh ubah-pemboleh ubah dalam TPB dengan tambahan satu faktor iaitu pengetahuan cukai. Jadual 3.1 di bawah menunjukkan 30 soalan yang dibina berdasarkan kepada lima pemboleh ubah utama:

Jadual 3.1
Jumlah item berdasarkan kepada pemboleh ubah

Pembolehubah	Jumlah item
Penyimpanan rekod	7
Sikap	6
Norma subjektif	4
Tanggapan kawalan tingkahlaku	6
Pengetahuan cukai	7
Jumlah	30

3.7 Profil Sampel

Hair et al. (1975) menyatakan ketepatan dan saiz sampel yang baik adalah di antara 15 hingga 20 sampel untuk setiap pemboleh ubah. Oleh yang demikian untuk lima pemboleh ubah utama dalam kajian ini, saiz sampel seharusnya mempunyai sekurang-kurangnya 75 responden (15 responden x 5 pemboleh ubah).

3.8 Pengumpulan Data

Pada era teknologi, agihan borang soal selidik melalui medium elektonik dilihat lebih mudah berbanding secara manual. Maka, borang soal selidik kajian ini dalam bentuk *Google Form* telah diagihkan melalui medium aplikasi *Whatsapp* kepada Pegawai-pegawai Audit Luar selain Syarikat LHDNM di semua cawangan.

Anggaran Pegawai Audit Luar selain Syarikat LHDNM adalah seramai 300 orang dan seramai 88 orang responden memberi maklum balas dengan menjawab borang soal selidik tersebut. Bilangan sampel yang diperolehi telah memenuhi dan melebihi minima saiz sampel yang dikehendaki iaitu 75 sampel.

3.9 Analisis Data

Perisian *Statistical Package for Science Social* (SPSS) telah digunakan untuk menganalisa data-data yang diperolehi kerana semua data boleh diterangkan dan diinterpretasikan dengan jelas dan mudah difahami. Data tersebut telah dianalisa menggunakan teknik statisitik seperti analisis deskriptif, analisis kebolehpercayaan, ujian normaliti dan ujian regresi berganda.

Analisis deskriptif digunakan untuk menerangkan struktur asas data kajian. Analisis ini digunakan untuk menganalisa taburan data yang diperolehi dari instrumen kajian

dan dipersembahkan dalam bentuk kekerapan, min dan sisihan piawai. Satu pengukuran untuk menunjukkan sejauh mana data bertaburan antara satu sama lain ditunjukkan sebagai nilai sisihan di mana semakin kecil nilai sisihan piawai, sebaran taburan data adalah kecil dan bermakna data-data berhampiran antara satu sama lain.

Menurut Sekaran (2003), analisis kebolehpercayaan digunakan untuk menentukan kestabilan dan konsistensi instrumen kajian dengan konsep yang diukur. Nilai kebolehpercayaan biasanya diuji dengan menggunakan kaedah *Cronbach Alpha* (Pallant, 2011). Statistik yang diperolehi memberi petunjuk perhubungan antara item-item yang diuji. DeVellies (2003) dan Nunnally (1978) menyarankan skala koefisyen *Cronbach Alpha* sekurang-kurangnya 0.70.

Analisis kesahan merujuk kepada pengukuran apa yang boleh diukur (Pallant, 2011). Memandangkan data diperolehi melalui kaedah kuantitatif, maka analisis faktor diaplikasi untuk menguji kesahan setiap konstruk pemboleh ubah kajian ini. Ianya merupakan analisis teknik pengurangan data menggunakan beberapa skala seperti skala likert. Berpandukan analisis faktor, dimensi-dimensi di bawah pemboleh ubah yang terlibat dapat dikenal pasti. Analisis faktor diuji menggunakan Analisis Komponen Utama (*Principal Component Analysis* - PCA) di mana dimensi suatu data dikurangkan tanpa menjejaskan ciri-ciri data tersebut secara signifikan. Semua varians di dalam pemboleh ubah ditransformasi kepada data secara linier. Pengukuran data tersebut akan dianalisa melalui Kaiser-Meyer Olkin (KMO) dan *Bartlett Test of Sphericity* (BTOS). KMO bertujuan untuk menguji keupayaan sampel, manakala BTOS adalah untuk mengenal pasti kesesuaian analisis faktor (Hair et al., 1998). Kaiser-Meyer Olkin (1970) mencadangkan bahawa nilai yang tidak boleh diterima dalam statistik KMO sekiranya di bawah nilai 0.5. Manakala bagi BTOS, pemboleh

ubah dikira signifikan sekiranya nilai ‘p’ menunjukkan kurang daripada 0.05 ($p < 0.05$).

Menurut Pallant (2011), analisis korelasi adalah untuk menerang dan menjelaskan kekuatan dan hala tuju hubungan di antara dua pemboleh ubah. *Pearson correlation* digunakan untuk mengukur kekuatan hubungan antara dua pemboleh ubah samada positif atau negatif sesuatu hubungan tersebut. Korelasi positif bermaksud kedua-dua pemboleh ubah itu bergerak seiring. Sebaliknya apabila negatif menunjukkan kedua-dua pemboleh ubah bergerak tidak sehaluan di mana satu pemboleh ubah meningkat dan satu lagi pemboleh ubah menurun.

Analisis regresi berganda merupakan kaedah statistik yang digunakan untuk meramalkan atau menganggarkan nilai pemboleh ubah bersandar ke atas pemboleh ubah bebas (Johnson & Wichern, 2002). Ujian regresi berganda sesuai untuk mengenal pasti hubungan di antara pemboleh ubah bebas dan bersandar kerana ianya realisitik, praktikal dan berkesan untuk kajian sains tingkah laku (Kerlinger & Lee, 2000). Oleh sebab itu, analisis regresi berganda digunakan dalam kajian ini untuk menguji pengaruh pemboleh ubah sikap, norma subjektif, tanggapan kawalan tingkah laku dan pengetahuan cukai terhadap amalan penyimpanan rekod perniagaan di kalangan peniaga kecil milikan tunggal dan perkongsian.

3.10 Kajian Rintis

Kajian rintis digunakan untuk menguji soal selidik yang dibentuk menggunakan sampel yang lebih kecil berbanding sampel sebenar yang dirancang. Ini bagi memastikan arahan-arahan dan soalan-soalan yang dibina adalah jelas dan dapat difahami oleh responden supaya maklum balas yang diterima adalah bersesuaian

dengan kehendak kajian. Maka, ujian rintis (*pilot test*) telah dilakukan ke atas 30 sampel di mana keputusan yang diperolehi adalah seperti Jadual 3.2 berikut.

Jadual 3.2
Ujian kebolehpercayaan *(n=30)*

Pemboleh ubah	**Jumlah Item**	**Cronbach's Alpha**
Penyimpanan Rekod*	5	0.424[a]
Sikap	6	0.557
Norma Subjektif	4	0.699
Tanggapan Kawalan Tingkahlaku	6	0.875
Pengetahuan Cukai	7	0.848

*dua item dipadam untuk meningkatkan kebolehpercayaan.
[a]walaupun nilai *Chronbach Alpha* agak rendah, ianya dapat diterima kerana kajian rintis mempunyai jumlah responden yang sedikit.

Dua item daripada soalan pemboleh ubah penyimpanan rekod telah dipadam untuk meningkatkan keputusan kebolehpercayaan. Cronbach alpha yang diperoleh daripada ujian rintis menunjukkan nilai alpha dalam lingkungan 0.424 dan 0.848. Walaupun nilai Cronbach alpha agak rendah, namun ianya diterima kerana kajian rintis ini mempunyai jumlah responden yang sedikit.

Universiti Utara Malaysia

BAB 4

KEPUTUSAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan menerangkan secara terperinci dapatan dan keputusan analisis kajian ke atas data yang diperolehi daripada borang soal selidik yang telah dikembalikan oleh responden yang merangkumi kadar soal selidik yang dijawab, latar belakang responden, diikuti penemuan deskriptif, analisis kebolehpercayaan, seterusnya analisis kesahan dan yang terakhir analisis regresi berganda. Keputusan hasil daripada analisa data menggunakan perisian SPSS adalah seperti di LAMPIRAN 2.

4.2 Kadar Soal Selidik yang Dijawab

Borang soal selidik dalam bentuk *google form* telah diedarkan menggunakan aplikasi *WhatsApp* melalui wakil-wakil setiap cawangan seperti mana yang dijelaskan di dalam bab tiga. Borang soal selidik diedarkan bermula 9 Februari 2021 hingga 9 Mac 2021. Seramai 88 orang pegawai audit daripada cawangan-cawangan LHDNM seluruh Malaysia telah menjawab borang kaji selidik ini seperti yang ditunjukkan di Jadual 4.1.

Jadual 4.1
Kadar Soal Selidik yang Dijawab

	Kekerapan	**Peratusan**
Jumlah soal selidik yang diagih kepada populasi (pegawai audit luar selain syarikat)	300	100.00%
Jumlah yang dikembalikan dan lengkap	88	29.33%

4.3 Latar Belakang Responden

Responden terdiri daripada pegawai LHDNM yang pernah atau masih menjalankan tugas sebagai Pegawai Audit Luar selain Syarikat. Ujian analisis deskriptif dijalankan untuk menjelaskan demografi responden merangkumi jantina, umur, klasifikasi cawangan perkhidmatan dan tempoh bertugas sebagai Pegawai Audit Luar selain Syarikat. Dapatan ditunjukkan dalam bentuk kekerapan dan peratusan seperti di Jadual 4.2.

Jadual 4.2
Latar Belakang Responden (n=88)

Item	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina		
Lelaki	34	38.6
Perempuan	54	61.4
Umur		
20 – 30 tahun	2	2.3
31 – 40 tahun	57	64.8
41 - 50 tahun	26	29.5
Lebih 50 tahun	3	3.4
Klasifikasi Cawangan Perkhimatan		
Besar	39	44.3
Sederhana	36	40.9
Kecil	11	12.5
Khas	2	2.3
Pengalaman Sebagai Pegawai Audit Luar Selain Syarikat		
3 tahun dan kurang	15	17.0
4-7 tahun	37	42.0
lebih 7 tahun	36	41.0

Universiti Utara Malaysia

Seramai 88 orang responden yang mengambil bahagian dalam kaji selidik ini di mana daripada jumlah ini, didapati seramai 54 orang atau 61.40 peratus adalah pegawai audit wanita. 64.80 peratus responden berumur antara 31 hingga 40 tahun. Diikuti 29.50 peratus berumur 41 hingga 50 tahun. Hampir separuh daripada responden iaitu 44.30

peratus berkhidmat di cawangan besar. Klasifikasi cawangan LHDNM adalah berdasarkan kepada bilangan fail aktif pembayar cukai. Statistik ini juga menunjukkan seramai 82.90 peratus mempunyai pengalaman lebih daripada tiga tahun dalam bidang pengauditan cukai selain syarikat dan selebihnya kurang daripada empat tahun pengalaman. Ini menunjukkan kebanyakan responden mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang pengauditan.

4.4 Penemuan Deskriptif

Dalam kajian ini terdapat lima pemboleh ubah bebas iaitu sikap, norma subjektif, tanggapan kawalan tingkah laku dan pengetahuan cukai dan satu pemboleh ubah bersandar iaitu amalan penyimpanan rekod perniagaan. Ujian deskriptif digunakan untuk melihat taburan nilai setiap item pemboleh ubah. Penemuan deskriptif bagi setiap item pemboleh ubah ditunjukkan pada Jadual 4.3 dengan nilai minimum, maksimum, min dan sisihan piawai bagi setiap pemboleh ubah.

Universiti Utara Malaysia

Jadual 4.3
Penemuan Deskriptif bagi Setiap Pembolehubah (n=88)

Pembolehubah	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai
Penyimpanan Rekod	1	5	3.6055	.38503
Sikap	1	5	3.7898	.38696
Norma Subjektif	1	5	3.8153	.60350
Tanggapan Kawalan Tingkah laku	1	5	4.0701	.57775
Pengetahuan Cukai	1	5	3.8166	.54321

Daripada jadual di atas, didapati skor min untuk setiap pemboleh ubah bersandar dan bebas adalah melebihi nilai median di mana min minimum ialah 3.6055 dan min

maksimum ialah 4.0701. Pemboleh ubah bebas seperti sikap, norma subjektif, tanggapan kawalan tingkah laku dan pengetahuan cukai mempunyar skor min melebihi purata. Ini menunjukkan bahawa semua pemboleh ubah bebas mempunyai faktor signifikan terhadap amalan penyimpanan rekod perniagaan. Antara pemboleh ubah bebas ini, nilai skor min pemboleh ubah sikap adalah yang terendah iaitu 3.7898 diikuti norma subjektif 3.8153, pengetahuan cukai 3.8166 dan tanggapan kawalan tingkah laku 4.0701.

Daripada analisis deskriptif ini juga, dapat dilihat sisihan piawai pemboleh ubah bebas adalah di antara 0.38696 dan 0.60350. Norma subjektif merekodkan sisihan piawai tertinggi iaitu 0.60350. Dapat disimpulkan bahawa kedudukan item-item dalam norma subjektif ialah 0.60350 daripada min 3.8153. Manakala sisihan piawai yang terendah adalah untuk pemboleh ubah bebas sikap iaitu dengan nilai 0.38696. Ia menunjukkan jaraknya adalah paling hampir dengan skor min 3.789.

4.5 Keputusan Analisis Kebolehpercayaan (*Reliability Test Result*)

Ujian kebolehpercayaan untuk setiap pemboleh ubah diukur menggunakan *Cronbach Alpha*. Menurut Cronbach (1946), *Cronbach Alpha* yang hampir kepada 1.0 menunjukkan bahawa pemboleh ubah itu mempunyai kebolehpercayaan dalaman yang tinggi dan konsisten. Jika kurang daripada 0.6 adalah lemah, lingkungan 0.7 boleh diterima dan lebih daripada 0.8 adalah baik. Manakala Sekaran (2003) menyatakan bahawa *Cronbach Alpha* melebihi 0.60 adalah baik.

Daripada analisis, didapati *Cronbach Alpha* untuk setiap pemboleh ubah adalah di antara 0.613 dan 0.818. Dua daripada pemboleh ubah yang diuji adalah kurang daripada 0.70 tetapi melebihi 0.60 dan selebihnya melebihi 0.70. Oleh yang demikian, ianya boleh diterima menurut Cronbach (1946) dan Sekaran (2003). Merujuk kepada

Jadual 4.4, dapat disimpulkan bahawa faktor tanggapan kawalan tingkah laku menunjukkan kebolehpercayaan dalaman yang tinggi dan konsisten terhadap amalan penyimpanan rekod berbanding pemboleh ubah bebas lain.

Jadual 4.4
Ujian kebolehpercayaaan *(n=88)*

Pemboleh ubah	Jumlah Item	Cronbach Alpha
Penyimpanan Rekod*	5	0.626
Sikap*	4	0.711
Norma Subjektif	4	0.613
Tanggapan Kawalan Tingkah Laku	6	0.818
Pengetahuan Cukai	7	0.748

* Dua item dipadam bagi meningkatkan kebolehpercayaan

4.6 Keputusan Analisis Kesahan (*Validity Test Result*)

Semua konstruk mengaplikasikan teknik analisis faktor untuk mendapatkan kesahan setiap pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian ini. KMO dan BTOS telah digunakan untuk mengukur skala bagi setiap pemboleh ubah. Berdasarkan kepada Jadual 4.5 di bawah, didapati KMO bagi setiap pembolehubah melebihi 0.5. Manakala BTOS pula menunjukkan semua pemboleh ubah adalah signifikan memandangkan nilai ‘p’ melebihi 0.5. Seterusnya, analisis faktor dapat dilakukan.

Jadual 4.5
Analisis Faktor (n=88)

Konstruk	Bilangan Item	KMO	BTOS (p-value)
Penyimpanan Rekod	5	0.602	0.000
Sikap	4	0.691	0.000
Norma Subjektif	4	0.607	0.000
Tanggapan Kawalan Tingkah Laku	6	0.766	0.000
Pengetahuan Cukai	7	0.701	0.000

4.7 Keputusan Korelasi / Analisis Multikolineariti

Keputusan korelasi dilaksanakan untuk menguji hubungan di antara pemboleh ubah bebas (sikap, norma subjektif, tanggapan kawalan tingkah laku dan pengetahuan cukai) dan pemboleh ubah bersandar (amalan penyimpanan rekod perniagaan) di kalangan peniaga kecil milikan tunggal dan perkongsian. Jadual 4.6 menunjukkan analisis *Pearson Correlation Coefficient* setiap pemboleh ubah.

Universiti Utara Malaysia

Jadual 4.6
Pearson Correlation Coefficient Analysis (n=88)

	PR	SIK	NS	TKT	PC
PR	1.000				
SIK	-0.251	1.000			
NS	-0.039	0.505	1.000		
TKT	0.193	0.358	0.421	1.000	
PC	0.126	0.290	0.393	0.690	1.000

** Kolerasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed)

Pearson Correlation coefficient boleh berada dalam lingkungan -1 hingga +1. Tanda positif (+) menunjukkan apabila satu pemboleh ubah meningkat, satu lagi pemboleh ubah juga turut meningkat. Manakala tanda negatif (-) pula menunjukkan apabila satu pemboleh ubah meningkat, satu lagi pemboleh ubah menurun. Dua pemboleh ubah dikatakan berkorelasi apabila perubahan salah satu pemboleh ubah disertai dengan perubahan pemboleh ubah lainnya samada arah yang sama ataupun arah yang sebaliknya. Nilai saiz tanpa mengambil kira tanda positif atau negatif memberikan maklumat berkenaan kekuatan hubungan antara pemboleh ubah. Korelasi 1 atau -1 menunjukkan pemboleh-pemboleh ubah berkaitan boleh ditentukan. Manakala korelasi sifar pula memberi petunjuk bahawa tiada perhubungan di antara dua pemboleh ubah. Oleh yang demikian, keputusan korelasi menunjukkan semua pemboleh ubah adalah berkolerasi secara signifikan.

Hubungan antara dua pemboleh ubah bebas iaitu pengetahuan cukai dan tanggapan kawalan tingkah laku adalah paling tinggi iaitu 0.690. Walau bagaimanapun, tidak menyebabkan multikolineariti. Ini kerana multikolineariti dikatakan berlaku apabila kolerasi pemboleh ubah bebas adalah sama dengan 0.9 atau lebih (Pallant, 2011). Sekiranya berlaku multikolineariti, ianya akan menjejaskan model regresi.

Universiti Utara Malaysia

4.8 Keputusan Normaliti

Ujian normaliti dijalankan untuk mendapatkan maklumat taburan skor data samada bertaburan secara normal atau tidak dengan merujuk kepada nilai *skewness* dan *kurtosis*. Nilai *skewness* memberikan maklumat berkaitan taburan simetri untk pemboleh ubah yang dikaji. Manakala maklumat nilai *kurtosis* pula adalah berkaitan puncak graf (*peakedness*) taburan skor data (Pallant, 2011). Pengagihan skor

pengukuran boleh dipertimbangkan sebagai normal jika nilai *skewness* dan *kurtosis* menghampiri sifar.

Jadual 4.7
Ujian Skewness dan Kurtosis (n=88)

Pembolehubah	Skewness	Kurtosis
Penyimpanan Rekod	0.645	1.264
Sikap	0.371	-0.290
Norma Subjektif	-0.114	-0.159
Tanggapan Kawalan Tingkah laku	-0.350	-0.126
Pengetahuan Cukai	0.141	-0.304

Jadual 4.7 menunjukkan *skewness* dan *kurtosis* bagi setiap pemboleh ubah adalah menghampiri sifar. Oleh yang demikian, setiap pemboleh ubah adalah dianggap normal.

Universiti Utara Malaysia

4.9 Keputusan Analisis Regresi Berganda

Analisis regresi berganda digunakan untuk menguji hipotesis untuk melihat kesan pemboleh–pemboleh ubah bebas secara serentak dengan pemboleh ubah bersandar iaitu amalan penyimpanan rekod perniagaan.

Jadual 4.8
Analisis Regresi antara Sikap, Norma Subjektif, Tanggapan Kawalan Tingkahlaku, Pengetahuan Cukai dan Penyimpanan Rekod (n=88)

	Unstandardized Coefficients		*Standardized Coefficients*		
	B	Std. Error	Beta	T	Sig
Konstan	3.514	0.502		6.999	0.000
Sikap	-0.355	0.113	-0.373	-3.138	**0.002***
Norma Subjektif	0.012	0.111	0.013	0.108	0.914
Tanggapan Kawalan Tingkahlaku	0.293	0.136	0.312	2.158	**0.034****
Pengetahuan Cukai	0.013	0.141	0.013	0.094	0.925

Nota: **p<0.05, *p<0.01
Adjusted R Square = 0.115, *F-statistic* = 3.813, *Sig at p*=0.007

Keputusan analisis regresi berganda yang ditunjukkan di Jadual 4.8 menggambarkan bahawa amalan penyimpanan rekod di kalangan peniaga kecil dapat dijelaskan oleh pemboleh ubah sikap, norma subjektif, tanggapan kawalan tingkah laku dan pengetahuan cukai sebanyak 11.50 peratus. Ini juga memberi indikator bahawa 88.50 peratus dapat dijelaskan oleh pemboleh ubah bebas lain. Hasil analisis ini juga menunjukkan hubungan signifikan di antara sikap dan amalan penyimpanan rekod (t=3.138, p=0.002). Begitu juga terdapat hubungan yang signifikan di antara tanggapan kawalan tingkah laku dan amalan penyimpanan rekod (t=2.158, p=0.034). Oleh yang demikian, berdasarkan kepada keputusan ini didapati hipotesis satu dan hipotesis tiga dapat diterima di dalam kajian ini. Dalam analisis ini, norma subjektif (t= 0.108, p=0.914) dan pengetahuan cukai (t=0.094, p=0.925) tidak menunjukkan hubungan yang signifikan dengan amalan penyimpanan rekod. Oleh yang demikian, hipotesis dua dan empat ditolak di dalam kajian ini.

Tanggapan kawalan tingkah laku mempunyai nilai Beta yang tertinggi berbanding pemboleh ubah bebas lain. Ini memberi petunjuk bahawa tanggapan kawalan tingkah laku merupakan faktor yang paling penting dalam menentukan amalan penyimpanan rekod perniagaan peniaga kecil milikan tunggal dan perkongsian.

Universiti Utara Malaysia

BAB 5

PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bab lima akan menerangkan dengan lebih lanjut tentang penemuan analisis berkaitan TPB dan literatur. Seterusnya, perbincangan terperinci berkaitan keputusan kajian disokong dengan kajian terdahulu. Disamping itu, beberapa cadangan kepada LHDNM sebagai pentadbir percukaian dan pembuat dasar berkaitan pematuhan cukai dari segi amalan penyimpanan rekod perniagaan. Bahagian terakhir dalam bab ini adalah rumusan berkenaan kajian ini dan cadangan untuk kajian seterusnya.

5.2 Perbincangan

Kajian ini hanya menggunakan teori TPB untuk mendalami faktor-faktor yang mempengaruhi amalan penyimpanan rekod perniagaan peniaga kecil milikan tunggal dan perkongsian. Tiga pemboleh ubah bebas dalam teori TPB iaitu sikap, norma subjektif dan tanggapan kawalan tingkah laku diuji termasuk penambahan satu pemboleh ubah bebas lain iaitu pengetahuan cukai. Data yang diperolehi daripada responden dianalisa melalui ujian kebolehpercayaan, analisis faktor, ujian normaliti dan analisis regresi berganda menggunakan perisian SPSS. Analisis korelasi dan regresi berganda digunakan ke atas data-data yang diperolehi untuk menerangkan hubungan di antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. *R-square* daripada analisis yang dijalankan iaitu 11.50 peratus menunjukkan pemboleh ubah bebas tidak dapat menjelaskan dengan lebih meluas berkaitan pemboleh ubah bersandar.

Universiti Utara Malaysia

Objektif kajian ini adalah untuk melihat pengaruh sikap, norma subjektif, tanggapan kawalan tingkah laku dan pengetahuan pembayar cukai itu sendiri terhadap amalan penyimpanan rekod perniagaan dari pengalaman pegawai audit. Daripada keputusan min, didapati skor min untuk semua pemboleh ubah bebas adalah melebihi nilai median iaitu di antara 3.7898 hingga 4.0701. Tanggapan kawalan tingkah laku mencatat skor min yang paling tinggi berbanding pemboleh ubah bebas lain. Ujian korelasi juga menunjukkan semua pemboleh ubah bebas mempunyai korelasi dengan pemboleh ubah bersandar. Walau bagaimanapun, dapatan dari kajian ini mendapati hanya dua pemboleh ubah bebas yang berhubung secara signifikan dan mempengaruhi amalan penyimpanan rekod perniagaan iaitu sikap dan kawalan tingkah laku. Ini menunjukkan faktor dalaman iaitu sikap dan faktor luaran iaitu tanggapan kawalan tingkah laku menyumbang kepada amalan penyimpanan rekod perniagaan peniaga kecil milikan tunggal dan perkongsian. Antara kedua-dua faktor ini, faktor tanggapan kawalan tingkah laku merupakan faktor yang paling penting dalam menentukan amalan penyimpanan rekod perniagaan. Oleh yang demikian, hipotesis dua dan empat ditolak.

5.3 Batasan kajian

Harus diingat bahawa kajian ini adalah daripada pengalaman pegawai-pegawai audit sendiri semasa mereka menjalankan aktiviti audit ke atas pembayar cukai. Pandangan mereka adalah secara pandangan kasar dan berdasarkan maklumat yang diperolehi semasa menjalankan pengauditan ke atas pembayar cukai sahaja. Sudah tentulah pengalaman pegawai-pegawai audit ini tidak mencerminkan secara keseluruhan amalan penyimpanan rekod perniagaan peniaga kecil. Namun dari sudut yang lain dapat memberi petunjuk kepada pembayar cukai khususnya berkenaan kesan amalan

penyimpanan rekod perniagaan kepada pematuhan cukai apabila kes dipilih untuk diaudit.

5.4 Sumbangan

Daripada perspektif teori, kajian ini diharap dapat memberi input pengetahuan berkaitan gelagat pematuhan cukai amnya dan khususnya amalan penyimpanan rekod perniagaan.

Kepada pentadbir sistem percukaian iaitu LHDNM pula, agensi ini perlu mengambil inisiatif untuk meningkatkan dan menggalakkan penyimpanan rekod perniagaan yang lengkap di kalangan pembayar cukai selain daripada penguatkuasaan undang-undang supaya pembayar cukai ini merasakan penyimpanan rekod merupakan satu amalan yang wajib dilakukan dan dianggap penting dalam aktiviti perniagaan mereka. Usaha pendidikan cukai telah pun dilaksanakan oleh LHDNM, namun ianya perlu dipergiatkan lagi dan berterusan melalui pelbagai medium aplikasi teknologi masa kini bagi memastikan ianya sampai kepada semua peringkat samada pembayar cukai sedia ada dan bakal pembayar cukai. Untuk itu, bimbingan dan panduan mengenai penyelenggaraan dan penyimpanan rekod yang betul harus diberikan terutama kepada mereka yang baru menjalankan operasi perniagaan mengikut sektor atau jenis perniagaan yang dijalankan. Kajian oleh Danford et al. (2014) mendedahkan bahawa sikap negatif terhadap pematuhan cukai disebabkan kurangnya pendidikan dan latihan terutamanya kemahiran penyimpanan rekod dan pengetahuan serta tiada garis panduan yang setara dengan saiz perniagaan pembayar cukai.

Pelajar-pelajar sekolah dan universiti harus didekati supaya pendedahan awal mengenai sistem percukaian dapat diterapkan sekaligus memupuk keyakinan mereka

untuk menyumbang kepada negara melalui bayaran cukai yang sepatutnya kerana mereka merupakan generasi pembayar cukai di masa hadapan.

Diharap juga hasil kajian ini dapat membantu pentadbir percukaian mengenal pasti faktor yang mempengaruhi tindakan pembayar cukai dalam amalan penyimpanan rekod perniagaan mereka supaya Hasrat Strategik LHDNM 2021 - 2025 dapat dicapai.

5.5 Kajian seterusnya

Semoga dapatan kajian ini sedikit sebanyak memberi input kepada pihak yang ingin dan bercadang membuat kajian berkaitan amalan penyimpanan rekod. Dicadangkan satu kajian perbandingan faktor-faktor yang mempengaruhi amalan pernyimpanan rekod dari perspektif pegawai audit, pemilik perniagaan milikan tunggal dan perkongsian termasuk juga ejen cukai untuk melihat apakah faktor yang selari antara ketiga-tiga responden ini yang menyumbang kepada amalan penyimpanan rekod perniagaan.

Universiti Utara Malaysia

5.6 Kesimpulan

Kedua-dua pihak samada pentadbir percukaian atau pembayar cukai haruslah memainkan peranan masing-masing bagi memastikan pematuhan cukai berada di tahap yang optimum. Salah satunya adalah dengan menggalakkan penyimpanan rekod yang lengkap dan teratur. Seterusnya, cukai dapat ditentukan dengan betul dan teratur. Sekaligus ketirisan cukai dapat dielakkan.

RUJUKAN

Ahmad, N. (2004). Sikap Terhadap Cukai dari Perspektif Gender. *Akademika 65 (Julai)* pp 125 – 135.

Apadore, T., Ramli, R. & Palil, M.R. (2018). Faktor-Faktor Mempengaruhi Penyelesaian Audit Cukai: Kajian dari Perspektif Juruaudit Cukai Malaysia. *Asian Journal of Accounting and Governance 10:* 83–95.

Arzeno, A. (2004). Record Keeping in Farm Management. *SDSU College of Agriculture & Biological Sciences publications*.

Benk, S. & Budak, T. (2011). An Investigation of Tax Compliance Intention: A Theory of Planned Behavior Approach. *European Journal of Economics, Finance and Administrative Sciences (January 2011)*.

Bidin, Z., Md. Idris, K., & Mohd Shamsudin, F. (2009). Predicting Compliance Intention on Zakah on Employment Income in Malaysia: An Application of Reasoned Action Theory. *Jurnal Pengurusan*, 85-102.

Cheng, T., Shaio, Y., & Pang, Y. (2010). An Empirical Study of On-Line Tax Filing Acceptance Model: Integrating TAM and TPB. *African Journal of Business Management Vol. 4(5)*, pp. 800-810.

Choong, K.F., & Wong E.S.K. (2011). A Study on Self-Assessment Tax System Awareness in Malaysia. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences, 5(7)*: 881-888.

